



Majlis Ugama Islam Singapura

Khutbah Jumaat

1 Mei 2015 / 12 Rejab 1436

Memahami Kelebihan Bulan Rejab

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي شَرَعَ لِلنَّاسِ مَا فِيهِ مَصْلَحَتُهُمْ فَأَمَرَهُمْ بِكُلِّ مَا فِيهِ نَفْعُهُمْ وَنَهَاهُمْ عَنِ كُلِّ مَا يَضُرُّهُمْ، وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ الَّذِي أَعَزَّهُمْ بِهِ بَعْدَ الذَّلَّةِ وَجَمَعَهُمْ بِهِ بَعْدَ الْفُرْقَةِ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى عَبْدِكَ وَرَسُولِكَ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَهْلِ النَّجْدَةِ وَالشَّهَامَةِ. أَمَّا بَعْدُ، يَا أَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوا اللَّهَ حَيْثُ مَا كُنْتُمْ، فَإِنَّ اللَّهَ يَعْلَمُ سِرَّكُمْ وَعَلَانِيَتَكُمْ.

Sidang Jumaat Yang Diberkati Allah,

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah. Marilah kita beristiqamah dalam melaksanakan apa yang diperintahkan, dan meninggalkan apa jua yang terlarang. Semoga ketakwaan kita kepada Allah s.w.t. dapat terus memperkukuh keimanan di dalam hati.

Hadirin yang dimuliakan,

Kita kini sudah berada dibulan Rejab, iaitu bulan ketujuh dalam kalendar Islam. Bulan Rejab merupakan salah satu daripada Ashhurul Hurum, iaitu bulan-bulan di mana diharamkan masyarakat Arab berperang pada zaman Rasulullah s.a.w. Bulan-bulan haram ini disebutkan di dalam Surah al-Taubah ayat 36:

إِنَّ عِدَّةَ الشُّهُورِ عِنْدَ اللَّهِ اثْنَا عَشَرَ شَهْرًا فِي كِتَابِ
اللَّهِ يَوْمَ خَلَقَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ مِنْهَا أَرْبَعَةٌ حُرْمٌ
ذَلِكَ الدِّينُ الْقَيِّمُ فَلَا تَظْلِمُوا فِيهِنَّ أَنْفُسَكُمْ

Yang bermaksud: “*Sesungguhnya bilangan bulan di sisi Allah s.w.t. itu adalah dua belas bulan sepertimana yang terdapat dalam Kitab Allah semenjak diciptakan langit dan bumi dan di antaranya empat bulan haram. Janganlah kamu menzalimi diri kamu semua dalamnya (bulan-bulan haram).*”

Bulan-bulan haram yang dimaksudkan dalam ayat tersebut adalah bulan Zulkaedah, Zulhijjah, Rejab dan Muharram. Para ulama telah membincangkan apa yang dimaksudkan oleh firman Allah s.w.t. yang bermaksud: “*Janganlah kamu menzalimi diri kamu semua dalamnya (bulan-bulan haram).*” Imam as-Syaukani dalam tafsirnya Fathul Qadir menyebut

bahawa apa yang dimaksudkan disebalik ayat tersebut adalah peperangan, dan apa-apa saja perkara atau kelakuan yang membawa atau menjurus kepada kezaliman.

Dari itu, kita memahami bahawa bulan-bulan haram ini antara lain bertujuan untuk melenturkan jiwa serta menyucikannya daripada sebarang ammarah, kebencian, dendam, dan penyakit hati lain yang boleh menjejaskan kesihatan kerohanian kita dan kemurnian akhlak kita. Tujuan ini menjadi lebih penting lagi memandangkan bulan Rejab akan disusuli hanya oleh bulan Syaaban sebelum kita melangkah masuk ke bulan Ramadan. Maka anjuran Allah s.w.t untuk kita menahan diri daripada permusuhan, kebencian, dendam dan pergaduhan di bulan Rejab seolah isyarat agar kita membangun ketenangan jiwa lebih awal sebelum tibanya Ramadan. Dengan jiwa yang lebih tenang, kita insya Allah dapat lebih memberi tumpuan dan fokus kepada menggiatkan ibadah di bulan Syaaban dan akhirnya mencapai kemuncaknya pada bulan Ramadan. Kita juga memahami daripada ini bahawa di dalam kita memperbaiki hubungan dengan Allah, kita juga perlu memperbaiki hubungan sesama manusia. Kita perlu membebaskan hati kita daripada api kemarahan dan kebencian agar ia sedia menerima rahmah dan kasih sayang Allah s.w.t. pada bulan Ramadan nanti.

Hadirin yang dikasihi,

Dalam kesungguhan kita berkongsi kebaikan bulan Rejab ini, kita perlu berhati-hati dalam menerima dan menyebarkan

sebarang maklumat agama yang kita perolehi dengan memastikan kebenarannya. Kita mengetahui bahawa terdapat beberapa hadith palsu yang menyebut tentang fadilat-fadilat khusus yang dikatakan dapat diraih seseorang dalam bulan Rejab. Malah ulama tersohor seperti Imam Ibn Hajar al-Asqalani pernah menulis kitab mengenainya.

Namun terdapat juga amalan yang digalakkan di dalamnya, di antaranya memperbanyakkan istighfar dan berpuasa. Pernah Rasulullah s.a.w. didatangi oleh seorang sahabat yang meminta izin daripada Baginda untuk memperbanyakkan berpuasa. Rasulullah bersabda: *“Puasalah beberapa hari daripada bulan-bulan haram dan tinggalkanlah sebahagiannya.”* [Hadith riwayat Abu Daud]

Imam al-Asqalani dalam menulis tentang amalan-amalan tambahan, menerangkan bahawa sekiranya terdapat dasar dan nas agama bagi sesebuah amalan, tidak salah untuk seseorang mengamalkan amalan tersebut dan amalan tersebut bukanlah berupa satu bid'ah yang terlarang. Maka memperbanyakkan berpuasa dan beristighfar dalam bulan Rejab, kerana terdapat dasar bagi amalan tersebut. Seperti firman Allah s.w.t. yang mendorong setiap mukmin untuk sentiasa bertaubat dan beristigfar:

فَقُلْتُ اسْتَغْفِرُوا رَبَّكُمْ إِنَّهُ كَانَ غَفَّارًا ﴿١٠٠﴾

Yang bermaksud: *“Maka aku (yakni Nabi Nuh a.s.) berkata: Hendaklah kamu beristigfar kepada tuhan mu, sesungguhnya Dia itu Maha Pengampun.”* [Surah Nuh ayat 10]

Tambahan dari ini, Rasulullah s.a.w. juga mengajak kita mempertingkatkan saham amalan kita melalui amal kebaikan dan akhlak yang baik. Baginda Rasulullah s.a.w. bersabda dalam hadith riwayat Imam Al-Bukhari:

كُلُّ مَعْرُوفٍ صَدَقَةٌ

Yang bermaksud: *“Setiap amal kebajikan adalah sadaqah.”* Subhanallah! Indahnya tarbiyyah Rasulullah s.a.w. dalam memupuk nilai murni dalam diri seorang Muslim. Setiap amal kebajikan dikira sebagai saham untuk memperbaiki akhlak. Dan semakin meningkatnya akhlak dan peribadi seorang Muslim, meningkat jugalah tahap keimanan seorang Muslim.

Saudara-saudaraku yang dikasihi,

Janganlah kita lupa akan larangan untuk tidak menzalimi sesama kita di dalam bulan Haram ini. Janganlah dalam kita ini ghairah memperingatkan orang tentang hadith-hadith palsu berkaitan fadilat bulan Rejab sampai kita melunturkan semangat sesama saudara Islam untuk melakukan kebaikan di dalam bulan Rejab. Berhati-hatilah dalam kita menyebarkan sebarang hadith agar kita tidak menyebarkan hadith-hadith yang palsu dan menimbulkan kecelaruan.

Saudara,

Ambillah juga peluang di bulan Rejab ini untuk memperbaiki hubungan kita tidak kira dengan keluarga dan saudara-mara mahupun teman. Ambillah iktibar daripada Rejab ini untuk mengawal sikap pemaarah kita, dan memaafkan kesilapan orang lain. Jika pernah terputus hubungan kita dengan seseorang itu, ambillah langkah pertama untuk menghubungkan semula silaturahim yang telah terputus. Kita tidak mahu akibat kita memutuskan silaturahim, Allah memutuskan hubunganNya dengan kita. Ingatlah amaran Nabi s.a.w. yang bermaksud: *“Orang yang memutuskan [silaturahim] tidak akan masuk ke dalam syurga.”* [Hadith riwayat Imam Al-Bukhari]

Mudah-mudahan dengan memperbaiki hubungan kita dengan manusia juga Allah akan memperindahkan hubungan kita denganNya. Semoga dengan usaha kita menyediakan jiwa dan rohani pada bulan Rejab ini, Allah akan memberkati kita padanya dan bulan Syaaban dan menemukan kita dengan bulan Ramadan. Amin ya Rabbal Alamin.

بَارِكْ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا
فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.